## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## JUMAAT 15 DISEMBER 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | TANAMAN JAGUNG BIJIAN DI PERLIS DIPERLUAS MENJELANG 2025, NEGARA, KOSMO -15 | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |
| 2.<br>3.<br>4. | 78 KAMBING SELUDUP DARI THAILAND DIRAMPAS, LOKAL, HM -5<br>CUBAAN SELUDUP 78 EKOR KAMBING GAGAL, NEGARA, KOSMO -18<br>78 EKOR KAMBING SELUDUP DISUMBAT DALAM GUNI, NASIONAL, SH -18 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 5. | FISH SEEDS RELEASED TO INCREASE POPULATION IN SLIM RIVER, NEWS, THE STAR -3 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 6.<br>7. | PESAWAH KADA RUGI RM17 JUTA PADI DITENGGELAMI BANJIR, DALAM NEGERI, UM -8<br>PESAWAH KADA RUGI LEBIH RM17 JUTA AKIBAT BAH, NASIONAL, BH -18 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA) |
| 8. | GALAK MURID TERBABIT PERTANIAN, LOKAL, HM -11 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/12/2023 | KOSMO | NEGARA | 15 |

# Tanaman jagung bijian di Perlis diperluas menjelang 2025

**SIDANG DUN PERLIS**



RAZALI ketika menjawab soalan di DUN Perlis semalam.

**KANGAR** – Jabatan Pertanian negeri menyasarkan pembangunan kawasan seluas 500 hektar bagi tanaman jagung bijian menjelang tahun 2025 yang mampu menghasilkan 4,500 metrik tan hasil buat negara.

Sehingga kini, keluasan fizikal kawasan penanaman jagung bijian di Perlis sekitar 408 hektar melibatkan empat syarikat, dua agensi dan enam usahawan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan dan Industri Makanan negeri, Razali Saad berkata, berdasarkan keluasan fizikal kawasan sedia ada, sekitar 190.8 hektar telah bertanam dan mengeluarkan hasil sebanyak 183.8 metrik tan sejak tahun lalu.

"Kerajaan negeri melalui Jabatan Pertanian telah melaksanakan penanaman jagung bijian sejak 2017 di kawasan Lembah Chuping dan Jabatan Pertanian menerima peruntukan sebanyak RM0.45 juta di bawah Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan pada tahun ini.

"Manakala sebanyak RM0.35 juta di bawah Program Pembangunan Makanan Ternakan merangkumi pemberian insentif pembangunan infrastruktur projek, jentera dan peralatan pertanian serta bantuan input pertanian," katanya pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Perlis, di sini semalam.

Razali berkata demikian bagi menjawab pertanyaan dibangkitkan Mohd. Ridzuan Hashim (**Guar Sanji-Pas**) berhubung kan kebergantungan terhadap bekalan makanan ternakan dari luar.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/12/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 5 |

# 78 kambing seludup dari Thailand dirampas

**Kuala Terengganu:** Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu merampas 78 kambing dianggar bernilai RM100,000 yang dipercayai diseludup dari Thailand, malam kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Terengganu Dr Azman Ibrahim berkata, rampasan dilakukan kira-kira jam 7.30 malam di Jalan Penarik di Setiu dan dua lelaki lingkungan 30-an terdiri daripada pemandu dan kelindan lori yang membawa haiwan berkenaan turut ditahan.

"Terdahulu, penguat kuasa JPV Terengganu mengekori sebuah lori yang dalam keadaan mencurigakan dari kawasan sempadan Kelantan-Terengganu di sekitar Tok Bali di Kelantan sebelum menahan kenderaan itu di Jalan Penarik di Setiu kira-kira satu jam kemudian.

"Didapati di dalam lori itu terdapat 78 kambing diletakkan di dalam guni dan tidak mempunyai sebarang dokumen atau permit pemindahan," katanya.

Turut hadir Pengarah JPV Terengganu Dr Anun Man.

Dr Azman berkata, berdasarkan maklumat awal, kambing itu adalah untuk pasaran di beberapa negeri di luar Terengganu dan kes disiasat di bawah Seksyen 36 Akta Binatang 1953.

Rampasan itu, katanya adalah kejayaan JPV Terengganu yang ke-12 bagi kes rampasan kambing dengan membabitkan 521 ekor keseluruhannya bernilai RM1.1 juta.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/12/2023 | KOSMO | NEGARA | 18 |

# Cubaan seludup 78 ekor kambing gagal

**KUALA TERENGGANU** – Cubaan menyeludup 78 ekor kambing dari negara jiran dipatahkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu selepas berjaya memintas lori yang membawa haiwan itu di Kampung Penarik, Setiu, dekat sini pada Selasa lalu.

Pengarahnya, Dr. Anun Man berkata, pasukan penguat kuasa JPV negeri sebelum itu mengekori lori berkenaan kira-kira sejam dari Tok Bali, Kelantan sebelum menahannya pada pukul 7.30 malam.

Katanya, pemeriksaan di dalam lori berkenaan mendapati, 78 ekor kambing dimasukkan ke dalam guni.

"Guni-guni berkenaan pula disorokkan di dalam kanvas yang tertutup rapat di bahagian belakang lori tersebut," katanya pada sidang akhbar di Pejabat JPV Terengganu, di sini semalam.

Dr. Anun berkata, siasatan awal mendapati, pemandu dan kelindan lori berusia 30-an mengaku mahu menghantar kambing-kambing itu ke beberapa negeri untuk dijual.

Beliau berkata, nilai keseluruhan 78 ekor kambing dan lori yang dirampas berjumlah RM100,00.

"Kegiatan menyeludup kambing dari negara jiran semakin menjadi-jadi sejak akhir-akhir ini dengan 521 ekor haiwan ternakan itu telah dirampas pasukan penguat kuasa JPV negeri sejak awal tahun ini.

"Ia melibatkan nilai rampasan keseluruhan hampir RM1.1 juta," katanya.

Dr. Anun berkata, kesemua kes termasuk yang terbaru pada Selasa lalu disiasat mengikut Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953 Perintah Menteri Besar dan Perintah Kawalan Penyakit Kuku Dan Mulut dan Hawa Berdarah 2023.

Tambah beliau, kegiatan menyeludup tersebut amat membimbangkan kerana pemeriksaan pihaknya mendapati, kebanyakan kambing dirampas itu memiliki gejala penyakit *tuberkulosis* atau TB.

"Kambing-kambing itu memiliki simptom-simptom penyakit TB iaitu organ dalamnya seperti buah pinggang, paru-paru dan hati telah rosak," katanya.



**DUA kakitangan JPV Terengganu memeriksa sebahagian daripada 78 ekor kambing seludup dari negara jiran yang dirampas di Kuala Terengganu semalam.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/12/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 18 |

# 78 ekor kambing seludup disumbat dalam guni

## Cuba dibawa masuk dari negara jiran, dua lelaki ditahan

Oleh NORHASPIDA YATIM
KUALA TERENGGANU

Cubaan menyeludup 78 ekor kambing menggunakan sebuah lori gagal setelah pemandu dan kelindan lori berkenaan ditahan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu.

Taktik licik dua lelaki berusia lingkungan 30-an itu terbongkar setelah mereka ditahan pasukan risikan JPV bersama lori yang membawa haiwan itu kira-kira jam 7.30 malam di Kampung Penarik, Setiu, pada Rabu.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata, anggota penguat kuasa mengesan sebuah lori dalam keadaan mencurigakan ketika pemantauan dilakukan di sempadan Kelantan-Terengganu.

"Anggota penguat kuasa telah mengekori lori yang datang dari arah Tok Bali menuju ke Kuala Besut itu selama satu jam sebelum berjaya menahan pemandu dan kelindan lori serta penemuan kambing yang tidak mempunyai sebarang dokumen dan permit pemindahan.



Azman (kanan) melihat kambing yang cuba diseludup masuk dan dirampas dalam operasi Jabatan Perkhidmatan Veterinar di Kampung Penarik, Setiu, pada Rabu.

"Haiwan itu disyaki diseludup dari negara jiran di mana bahagian badan setiap seekor kambing dimasukkan ke dalam guni dan dibawa menggunakan sebuah lori yang ditutup.

"Kita tidak menolak kemungkinan kambing seludup itu dibawa masuk untuk dijual pada harga lebih rendah bagi pasaran luar dari negeri ini," katanya dalam sidang akhbar yang turut dihadiri Pengarah JPV Terengganu, Dr Anun Man di sini, pada malam Rabu.

Menurut Azman, kesemua hasil rampasan dianggarkan bernilai RM100,000 dan kes disiasat di bawah Seksyen 36 (1) Akta Binatang 1953 Perintah Menteri Besar (T.R.P.U.1) Perintah Kawasan Kawalan Penyakit Kuku Dan Mulut Dan Hawar Berdarah (Negeri Terengganu) 2023.

Katanya, jika sabit kesalahan mereka yang terlibat boleh didenda tidak melebihi RM15,000 di bawah Subseksyen 36 (7) Akta Binatang 1953.

Dalam pada itu, katanya, orang ramai dinasihat agar berhati-hati membeli kambing yang ditawarkan dengan harga murah di pasaran.

"Ada kes yang telah disahkan melalui pemeriksaan oleh pihak JPV apabila kambing seludup disembelih, terdapat kerosakan organ dalaman," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 15/12/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 8 |

# Pesawah KADA rugi RM17 juta padi ditenggelami banjir

**PASIR PUTEH:** Lembaga Pertanian Kemubu (KADA) merekodkan kerugian sebanyak RM17 juta apabila padi yang ditanam 1,239 orang pesawah ditenggelami banjir baru-baru ini.

Ahli Lembaga Pengarah KADA, Syed Ali Dustur Syed Mohd. Zain berkata, petani terbabit tidak sempat menuai padi yang sudah masak berikutan hujan lebat berterusan dalam tempoh dua minggu.

"Kerugian yang ditanggung pesawah di luar jangkaan kerana hujan lebat datang lebih awal berbanding sebelum ini.

"Selain itu, kita dapati kerja-kerja menanam padi tidak mengikut jadual yang disyorkan KADA turut menjadi punca menyebabkan petani mengalami kerugian," kepada selepas Penyampaian Bantuan Program Peningkatan Pendapatan Petani Agro Industri Selain Padi di Pejabat KADA Pasir Puteh, semalam.

Seramai 667 petani KADA menerima bantuan baka lembu, kambing dan biri-biri dengan peruntukan sebanyak RM1.5 juta melibatkan enam daerah KADA di negeri ini.

Syed Ali memberitahu, KADA akan mencari pendekatan bagi meringankan bebanan yang dialami oleh para petani ketika ini.

Katanya, pada masa sama KADA akan terus melaksanakan bancian jika ada pesawah yang terkena tempias banjir gelombang kedua nanti.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/12/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 18 |

# Pesawah KADA rugi lebih RM17 juta akibat bah

**Pasir Puteh:** Penanam padi di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) mencatat kerugian lebih RM17 juta akibat banjir di negeri ini.

Ahli Lembaga Pengarah KADA, Syed Alidistur Syed Mohd Zain, berkata kerugian membabitkan 1,239 peserta dengan keluasan tanaman 3,010 hektar.

Katanya, ia membabitkan tanaman padi di lima jajahan di bawah KADA iaitu Kota Bharu, Bachok, Pasir Puteh, Tumpat dan Pasir Mas bagi tanaman musim 1/2023.

"Sepatutnya bulan lalu dan bulan ini petani sudah boleh tuai hasil padi.

"Bagaimanapun, kita menerima hujan berterusan hampir 14 hari menyebabkan padi tenggelam," katanya ketika ditemui dalam Majlis Penyampaian Bantuan Program Peningkatan Pendapatan Petani Agro Industri Selain Padi (Baka Lembu, Kambing dan Biri-Biri) Tahun 2023 di Dewan Pejabat KADA Jajahan Pasir Puteh di sini, semalam.

Syed Alidistur berkata, padi rosak menyebabkan pembeliannya dipotong sehingga 90 peratus menyebabkan kerugian kepada petani.

Beliau berkata, ia berikutan petani tidak mengikut jadual penanaman ditetapkan pihak KADA.

"Kita jangkakan jika hujan berterusan, kerugian akan bertambah dan minta petani mematuhi jadual dikeluarkan bagi mengelak kerugian," katanya.

Katanya, KADA mengadakan perbincangan dengan beberapa agensi berkaitan bagi membaik pulih struktur beberapa kawasan saliran di bawah seliaan.

Pada program berkenaan, seramai 108 penerima menerima bantuan ternakan seperti lembu, kambing dan biri-biri membabitkan jumlah bantuan RM550,000.

Syed Alidistur berkata, bantuan membabitkan keseluruhan peruntukan RM1.5 juta kepada 677 penerima manfaat bagi kategori ternakan, sayur-sayuran dan buah-buahan, unggas dan ternakan ikan tawar bagi meningkatkan taraf ekonomi kumpulan sasar B40.

"Bagi memastikan kejayaan bantuan, jenis ternakan atau bantuan kita berikan kepada mereka yang sudah melaksanakan ternakan atau penanaman yang diwarisi daripada keluarga, contohnya menternak lembu.

"Mungkin sebelum ini mereka pelihara secara tradisional, jadi kita (KADA) bagi bantuan ternakan lembu, ajar cara penjagaan, pemilihan pemakanan, beri ilmu baharu jadi mereka lebih efektif tingkatkan ekonomi keluarga," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 15/12/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 11 |

# Galak murid terbabit pertanian

## *Agrobank umum Juara Peringkat Kebangsaan bagi Program Rakan Tani Muda Agrobank 2023*

**Oleh Lizam Ridzuan**
lizamridzuan@hmetro.com.my



PARA pemenang Program Rakan Tani Muda Agrobank 2023 bergambar kenangan selepas majlis penyampaian hadiah di Hotel Bangi Resort.

**Bangi**

Agrobank menerusi aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) mengumumkan Juara Peringkat Kebangsaan bagi Program Rakan Tani Muda Agrobank 2023.

Program yang bermula pada Mac lalu itu mendapat penyertaan daripada 80 sekolah rendah dari seluruh negara.

Ia berteraskan konsep pendidikan pertanian yang menggalakkan pembabitan murid dalam bidang pertanian selaras Matlamat Pembangunan Lestari, Sustainable Development Goals (SDGs).

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, program itu inisiatif mereka dalam pendidikan berteraskan pertanian bagi membina keupayaan dan kestabilan sektor pertanian masa hadapan.

"Kami komited ingin menerapkan nilai-nilai pertanian di peringkat lebih awal serta bagi merealisasikan matlamat SDGs untuk melindungi, memulihara dan menggalakkan penggunaan tanah serta ruangan kosong di sekolah serta agenda mencapai sifar kelaparan dan keterjaminan makanan," katanya.

Program Rakan Tani Muda Agrobank tahun ini mendapat suntikan dana sehingga RM240,000 dan empat kategori yang dipertandingkan iaitu konvensional, fertigasi, hidroponik dan akuaponik.

Bagi menggalakkan kesinambungan dan penyertaan, Agrobank memperkenalkan satu lagi kategori baharu iaitu AGRO Lestari buat peserta sekolah yang terlibat tahun ini bagi program Rakan Tani Muda Agrobank 2024 dengan penambahbaikan kebun yang terlibat.



TENGKU Ahmad Badli Shah

Untuk penjurian Agrobank mendapat kerjasama daripada Jabatan Pertanian Malaysia dan Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kesenian Kementerian Pendidikan Malaysia yang menilai daripada sudut kesungguhan dan minat, penghasilan input-input pertanian yang dibekalkan serta aspek teknikal.

Sementara itu Pemenang Utama Peringkat Kebangsaan Rakan Tani Muda Agrobank 2023 ialah SK Lepan Jaya, Gua Musang, Kelantan yang membawa pulang hadiah wang tunai RM5,000, sijil dan trofi.

Penyelaras Agro School, SK Lepan Jaya, Ahmad Fakhrurrazi Che Daud berkata, program ini membabitkan semua murid seramai 209 orang yang mendapat pendedahan awal untuk sektor pertanian dan penternakan secara sukarela.

"Murid yang terlibat dipecahkan kepada 10 bahagian untuk menjaga setiap tanaman dengan penyiraman secara fertigasi, pembajaan, merumput serta memeriksa sekiranya terdapat serangan serangga perosak," katanya.

Kaedah pelaksanaan di sekolah itu dalam sebulan hanya sekali selama 25 minit bagi murid terlibat dan hasil tanaman menerusi Program Rakan Tani Muda Agrobank 2023 sudah dipasarkan di pasaraya sekitar Gua Musang, Kelantan.